

Laporan Tahunan

2024

Perpustakaan Perubatan
Tun Abdul Razak
Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM



LAPORAN TAHUNAN 2024

**PERPUSTAKAAN PERUBATAN TUN ABDUL RAZAK
HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH, UiTM**





SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Dr. Suraya Abdul Razak

PENYELARAS

Puan Wan Rohani Wan Chin

PENULIS

Puan Wan Rohani Wan Chin

Puan Nurul Atika Harud Din

Puan Maizatul Akmal Sidik

Puan Nur Ira Wahida Nasir

Puan Fasihah Abdul Wahab

REKA BENTUK & REKA LETAK

Puan Nur Fatini Ahmad Fazli

EDITOR

Puan Wan Rohani Wan Chin

Puan Nurul Atika Harud Din

SUMBANGAN MAKLUMAT

Unit Pengurusan Perpustakaan

Unit Sumber Rujukan Universiti

Unit Perkhidmatan Perpustakaan

Unit Perpustakaan Digital

PENAFIAN

Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang dialami kerana menggunakan atau mengakses mana-mana maklumat, perkhidmatan dan perkara-perkara lain yang diperolehi dari laporan ini.

Mana-mana bahagian dalam laporan ini yang ingin diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk hendaklah mendapat keizinan daripada Perpustakaan Tun Abdul Razak terlebih dahulu.

Laporan tahunan akan diterbitkan secara tahunan / setahun sekali.

Terbitan Pertama 2024

eISSN : 3120-3183

© Hak Cipta Universiti Teknologi MARA, 2024

Diterbitkan oleh:

Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak
Hospital Al-Sultan Abdullah
Universiti Teknologi MARA
42300 Bandar Puncak Alam
Selangor Darul Ehsan

No Telefon:

03-3396 3000 (ext) 12802 | Perkhidmatan Konsultasi
dan Perkhidmatan Pelanggan
Laman Web: <https://hospital.library.uitm.edu.my>
E-mel: library.huitm@uitm.edu.my

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN

PROFIL PERPUSTAKAAN

Dasar, Misi, Visi & Falsafah

Objektif Perpustakaan

Carta Organisasi Perpustakaan

Pengurusan Perpustakaan UiTM Cawangan

Perpustakaan Universiti Teknologi MARA

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN

REKOD DAN ARKIB UNIVERSITI

LAWATAN

KOLABORASI

PENERBITAN

KERATAN AKHBAR

MUKA SURAT

2

3

6

7

2

19

29

60

71

75

90

95

103


Perutusan KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN



Wan Rohani Wan Chin

Ketua Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak

Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak merupakan salah satu perpustakaan UiTM yang baharu diwujudkan pada tahun 2021. Permulaan pengoperasian perpustakaan ini dikendalikan oleh seorang Pustakawan dan empat (4) orang Kerani Perpustakaan. Pelbagai inisiatif telah diambil dalam memastikan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan dapat disampaikan dengan baik dan lancar kepada pengguna perpustakaan. Pembangunan koleksi perpustakaan berkembang baik dengan permulaan hanya dalam tiga ratus (300) naskhah pada tahun 2021 meningkat kepada dua ribu (2,000) koleksi pada tahun 2024 dan dijangkakan meningkat seiring dengan pertambahan tahun. Perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan di Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) tidak terhad kepada di dalam perpustakaan sahaja tetapi di jabatan-jabatan dan klinik-klinik pakar yang bersesuaian selaras dengan sasaran perpustakaan untuk meningkatkan ketampakan perpustakaan dalam galakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat dan komuniti terutamanya. *Stakeholder* perpustakaan bukan sahaja terdiri daripada staf dan pelajar UiTM tetapi pesakit, waris pesakit, pelawat dan orang awam. Perpustakaan dengan keluasan 1,174 meter persegi ini menyediakan kemudahan ruang bacaan, bilik perbincangan, bilik mesyuarat, makmal komputer, ruang santai balkoni (outdoor) untuk kegunaan pengguna perpustakaan. Pengharapan tinggi bagi perpustakaan ini untuk meningkatkan ketampakan melalui pelbagai inisiatif jaringan kolaborasi, penambahbaikan kemudahan dan strategi yang berimpak seiring dengan sasaran pencapaian perpustakaan UiTM dan Hospital Al-Sultan Abdullah.



**TIADALAH BUKU TANPA PENA,
TIADALAH PENULIS TANPA ILMU,
BAGAIKAN PERPUSTAKAAN
DENGAN AKADEMIK, AKAR
DENGAN POKOKNYA....**

Perpustakaan Gedung Ilmu. Carilah kerana ia bukan tempat yang sia-sia.

PROFIL PERPUSTAKAAN

DASAR, MISI & OBJEKTIF

DASAR DAN MISI

DASAR

Memenuhi matlamat pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan inovasi dan pengkomersialan, akademik industri dan masyarakat, kepimpinan dan keusahawanan menerusi pengurusan perpustakaan, pemabangunan sumber ilmu, perkhidmatan perpustakaan, repositori institusi universiti lain dan arkib universiti bagi mencapai hala tuju strategik universiti.

MISI

Pemangkin kepada warga UiTM yang berilmu melalui pengaksesan maklumat yang komprehensif, relevan dan terkini serta kemudahan yang berkualiti bagi tujuan memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

OBJEKTIF

- Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan UiTM sebagai pusat kecermelangan maklumat yang sentiasa kekal relevan, dirujuk dan dihormati
- Mempelbagai sumber ilmu yang komprehensif, terkini dan relevan meliputi pelbagai format yang dapat diakses secara fizikal dan maya.
- Menyediakan kemudahan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.
- Menambah baik kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi terkini yang berfokuskan kepada keperluan pelanggan.
- Memperkasakan modal insan melalui nilai ESI (Excellent, Synergy, Integrity) dalam kalangan warga UiTM.
- Meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi luar dalam kegiatan jaringan industri.

PIAGAM PELANGGAN & OBJEKTIF KUALITI



PIAGAM PELANGGAN

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1

Memastikan permohonan **Book Delivery Service** (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja**.

2

Memastikan bahan **Pinjaman Antara Perpustakaan** (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh **dua (2) minggu** dari tarikh permohonan.

3

Memastikan **Aduan dan Maklumbalas Pelanggan** diberi maklumbalas dalam tempoh **satu (1) hari bekerja**.

4

Memastikan permohonan rujukan **bahan Arkib Universiti** tersedia dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja**.

5

Memastikan **Portal Perpustakaan Digital** dapat diakses **24/7** oleh pelanggan.

6

Memastikan **status kelulusan cadangan perolehan bahan baharu** (buku bercetak/ jurnal bercetak/ eBook/ PDAT/ eJournal) dimaklumkan kepada pencadang dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja**.

TS. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN
KETUA TIMBALAN PUSTAKAWAN
(MENJALANKAN TUGAS KETUA PUSTAKAWAN)

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Bilangan 8/2023 1 Jun 2023

UiTM اوسها. تقوى. موليا



OBJEKTIF KUALITI

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1

Memastikan **85%** Warga Universiti menggunakan Perpustakaan Digital UiTM.

2

Memastikan Kepuasan Hati Pelanggan mencapai **90%**.

3

Memastikan Pemilikan Bahan Silibus **100%** di dalam Koleksi Sumber Rujukan.

4

Memastikan kepakaran bidang staf perpustakaan dirujuk melalui jemputan perkongsian ilmu sebanyak **24 kali setiap tahun**.

5

Memastikan **800 ribu** pengunjung Perpustakaan UiTM menggunakan perkhidmatan fizikal Perpustakaan UiTM.

6

Memastikan **100%** Koleksi Arkib yang didaftarkan boleh diakses melalui Online Finding Archive (OFA).

TS. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN
KETUA PUSTAKAWAN
PERPUSTAKAAN UiTM

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Bil.19/2024 18 Nov 2024

UiTM اوسها. تقوى. موليا

VISI, MISI, OBJEKTIF DAN NILAI TERAS HASA

VISI DAN MISI

VISI

Menjadi sebuah pusat penjagaan kesihatan akademik terkemuka dunia.

MISI

Mempertingkatkan kemanusiaan melalui pembangunan profesional penyelidikan berkesan dan penyampaian penjagaan kesihatan terkini.

OBJEKTIF DAN NILAI TERAS

OBJEKTIF

- Menjadi pusat penjagaan kesihatan akademik yang terulung.
- Memupuk penjagaan kesihatan ehsan yang berkualiti.
- Menjuarai penyelidikan terkehadapan.
- Menginovasikan sistem kewangan kesihatan yang efektif dan mampan.

NILAI TERAS

KECEMERLANGAN

- Mengamalkan kualiti piawai dalaman yang standard bagi memenuhi keperluan dan jangkaan pemegang taruh.

SINERGI

- Bekerjasama rapat untuk memaksimumkan produktiviti yang memberi manfaat kepada industri dan masyarakat.

INTERGRITI


- Memupuk nilai kejujuran, hormat dan ketelusan untuk mencapai standard profesionalisma yang tinggi.

**DALAM KEMISKINAN HARTA, ADA KEKAYAAN
ILMU. DALAM KETIDAKSELESAAN TEMPAT,
ADA PERPUSTAKAAN PENDORONG KEJAYAAN.**



PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

CARTA ORGANISASI JABATAN



PENGURUSAN PERPUSTAKAAN PERUBATAN TUN ABDUL RAZAK



Puan Wan Rohani Wan Chin
Pustakawan Kanan



Puan Nurul Atika Harud Din
Pustakawan



Fasihah Abdul Wahab
Kerani



Maizatul Akmal Sidik
Kerani



Nur Fatini Ahmad Fazli
Kerani



Nur Ira Wahidah Nasir
Kerani


LATAR BELAKANG HASA

Pembangunan Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) tercetus pada tahun 1995 apabila Menteri Pelajaran Malaysia mencadangkan penubuhan Fakulti Perubatan sekiranya Institut Teknologi MARA (ITM) mahu dinaik taraf kepada universiti. Penubuhan Fakulti Perubatan ini penting untuk meningkatkan jumlah doktor-doktor bumiputera di Malaysia. Pada tahun 2002, selepas menjadi sebuah universiti dikenali dengan nama Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan penubuhan Fakulti Perubatan. Namun hanya pada 2003 Fakulti Perubatan mula beroperasi di Kampus UiTM Jalan Othman, Petaling Jaya dengan pengambilan pelajar seramai 20 orang.

Dalam usaha untuk memberikan latihan klinikal kepada pelajar-pelajar Fakulti Perubatan, UiTM telah menandatangani satu Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi menempatkan pelajar-pelajar perubatan ini di hospital-hospital dan poliklinik-poliklinik kerajaan. Dua buah hospital telah dicadangkan untuk menempatkan pelajar-pelajar perubatan ini menjalani latihan mereka iaitu di Hospital Selayang dan Hospital Sungai Buloh. Pada 17 Julai 2006, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengarahkan UiTM supaya pembangunan Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian dikekalkan di Sungai Buloh dan dilaksanakan segera.

Sehubungan itu, projek pembinaan Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian telah berjalan sebagaimana yang dijadualkan di kawasan berhampiran Hospital Sungai Buloh. Bagi menampung jumlah pelajar perubatan yang kian bertambah, UiTM telah memohon kepada kerajaan untuk membina sebuah hospital pengajar tersendiri dan tidak perlu bergantung kepada Hospital Sungai Buloh dan Hospital Selayang. Pada tahun 2008, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) bersetuju secara prinsip untuk membina sebuah Hospital Pengajar di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.

SERAHAN KUNCI & PERASMIAN HASA



23 Mac 2021

SERAHAN KUNCI OLEH
YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD
MENTERI PENGAJIAN TINGGI



23 Julai 2022

PERASMIAN HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH (HASA) OLEH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-
PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL- MUSTA'IN BILLAH

SEJARAH PENUBUHAN PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak telah ditubuhkan pada Mac 2021 dengan seorang pustakawan dan empat orang kerani. Perpustakaan ini dengan keluasan 1,174 kaki persegi terletak di aras 3 di atas galeri perubatan dan boleh dilihat dari lobi hospital. Perpustakaan ini merupakan perpustakaan baharu di UiTM iaitu Perpustakaan UiTM yang ke-39.

Perpustakaan ini menyediakan perkhidmatan dan kemudahan seperti mesin *kiosk* layan diri, mesin pemulangan buku, makmal komputer, bilik multimedia, bilik perbincangan, bilik mesyuarat, ruang membaca, dan ruang santai. Dua *kiosk* interaktif juga telah disediakan untuk pengguna sebagai platform digital untuk pencarian maklumat. Perpustakaan ini juga mempunyai balkoni untuk kemudahan ruang santai luar kepada pengguna.

Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak menyediakan sumber bacaan dalam bentuk bercetak dan elektronik dengan koleksi permulaan bahan bercetak sebanyak 317 naskah. Koleksi elektronik yang disediakan adalah secara guna sama di seluruh cawangan UiTM.

KPI & PI PERPUSTAKAAN UITM 2024

PEMBUDAYAAN ILMU									
STRATEGIC GOAL	UiTM : GLOBALLY RENOWNED ; COMMUNITY AND LOCALLY ROOTED								
STRATEGIC THRUSTS	QUALITY EDUCATION			GLOBAL EXCELLENT		VALUE DRIVEN PERFORMANCE			
STRATEGIC THEMES	EDUCATION 5.0	ENTREPRENEURIAL & WELL BALANCED GRADUATE	WIDENED ACCESS	TRANSLATIONAL RESEARCH DEVELOPMENT, INNOVATION & COMMERCIALISATION	INDUSTRY, COMMUNITY & ALLUMNI SMART PARTNERSHIP	TALENT EXCELLENT	AGILE GOVERNANCE	SMART CAMPUS	SUSTAINABLE FUNDING
7 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	KPI 1: Peratus Pemilikan Bahan Silibus Universiti KPI 2: Bilangan Rekod Penting Universiti KPI 3: Bilangan Bahan Bacaan yang dirujuk			KPI 4: Bilangan Ketampakan Bahan Repositori Institusi KPI 5: Bilangan Penyertaan Program Budaya Ilmu		KPI 6: Peratus Penggunaan Perkhidmatan Personalised Perpustakaan Digital KPI 7: Peratus Kepuasan Bekerja Staf Perpustakaan UiTM			
	PI 1: Bilangan Libat Urus Bersama Program Pengajian Universiti PI 2: Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bersama Pusat Tanggungjawab PI 3: Bilangan Judul Baharu Sumber Rujukan Universiti PI 4: Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan PI 5: Bilangan Muat Turun Bahan Digital Perpustakaan UiTM PI 6: Bilangan Pengunjung Maya Perpustakaan			PI 7: Bilangan Muat Naik Bahan Repositori Institusi PI 8: Bilangan Penyertaan Kerjasama Komuniti Perpustakaan PI 9: Bilangan Penyertaan Program Literasi Maklumat PI 10: Bilangan Penglibatan Alumni UiTM		PI 11: Bilangan Penggunaan Laman Web Perpustakaan UiTM PI 12: Peratus Staf Mencapai 42 jam Latihan PI 13: Bilangan Penyertaan Kecemerlangan Inovasi dan Produktiviti Kerja			
PERPUSTAKAAN UiTM									

PRESTASI PELAKSANAAN KPI/PI PERPUSTAKAAN UITM DI PTAR HASA


PELAKSANAAN KPI & PI PERPUSTAKAAN UiTM DI PTAR HASA: 4 KPI, 7 PI

KPI / PI	STATUS PELAKSANAAN
KPI 3 : BILANGAN BAHAN BACAAN YANG DIRUJUK PI 3 : BILANGAN JUDUL BAHARU SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI PI 4 : BILANGAN PENGUNJUNG FIZIKAL PERPUSTAKAAN PI 5 : BILANGAN MUAT TURUN BAHAN DIGITAL PERPUSTAKAAN UiTM PI 6 : BILANGAN PENGUNJUNG MAYA PERPUSTAKAAN	PI 3: Telah dilaksanakan PI 4: Telah mencapai 374.84% PI 5: Telah mencapai 111.38% PI 6: Telah mencapai 84.73%
KPI 5 : BILANGAN PENYERTAAN PROGRAM BUDAYA ILMU PI 8 : BILANGAN PENYERTAAN KERJASAMA KOMUNITI PERPUSTAKAAN	PI 8: Telah dilaksanakan
KPI 6: PERATUS PENGGUNAAN PERKHIDMATAN PERSONALISED PERPUSTAKAAN DIGITAL PI 11: BILANGAN PENGGUNAAN LAMAN WEB PERPUSTAKAAN UiTM	KPI 6: Telah mencapai 111.30% PI 11: Telah mencapai 58.87%
KPI 7: PERATUS KEPUASAN BEKERJA STAF PERPUSTAKAAN UiTM PI 12: PERATUS STAF MENCAPAI 42 JAM LATIHAN	PI 12: Telah mencapai

JAM LATIHAN STAF

JAWATAN	GRED	NAMA	UMUM	KHUSUS	ICT	JUMLAH
Pustakawan Kanan	S44	Wan Rohani binti Wan Chin	22.5	38.75	21.5	84.25 jam
Pustakawan	S41	Nurul Atika binti Harud Din	67	48	17	132 jam
Kerani	N19	Nur Fatini binti Ahmad Fazli	118.08	41.66	25.5	195.74 jam
Kerani	N19	Maizatul Akmal binti Sidik	82.75	45.33	18	155.08 jam
Kerani	N19	Nur Ira Wahidah binti Nasir	78.25	52.33	23	158.08 jam
Kerani	N19	Fasihah binti Abdul Wahab	57.5	15	0	72.5 jam

PERATUS PENCAPAIAN 42 JAM LATIHAN STAF PERPUSTAKAAN



■ CAPAI ■ TIDAK CAPAI

KATEGORI	JUMLAH STAF	PERATUS
CAPAI	6	100%
TIDAK CAPAI	0	0%

PENGANJURAN PROGRAM/LATIHAN

Pihak Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) telah mengadakan Bengkel Pembikinan E-Book seperti butiran berikut:

Tajuk : Bengkel Pembikinan E-Book
Tarikh : 5 Mac 2024 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi- 5.00 petang
Tempat : Makmal Komputer, Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak, Aras 3

Objektif :

1. Memberi pendedahan mengenai teknik penulisan dan penerbitan bagi bahan ilmiah dan bahan kreatif.
2. Memberi galakkan kepada peserta untuk menghasilkan sekurang-kurangnya sebuah ebook.
3. Memberi latihan dan pengetahuan asas rekabentuk dan penyuntingan e-book.
4. Memberi panduan tentang permohonan eISBN dan ISBN.
5. Memberi tunjuk ajar tentang teknik pemasaran e-book secara bersistem menggunakan platform digital website.

Jumlah Penyertaan (fizikal): 14 orang

KERJASAMA

Collaboration 1 : HOSPITAL UITM (HUITM)

Collaboration 2 : Kelab Penulis Muda Malaysia (KPMM)

Collaboration 3 : MSGA SDN BHD

[Strategi Pelan Tindakan Bersepadu : Pemantapan Aktiviti Pembacaan dan Penulisan]



GAMBAR-GAMBAR BENGKEL E-BOOK



PENGANJURAN PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT

Pihak Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) telah mengadakan Program Khidmat Masyarakat di Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor pada 1 Ogos 2024, Khamis jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Program ini mendapat reaksi dan kerjasama positif dari Puan Hajah Noor Hayati Binti Embong, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama terutamanya dalam sumbangan ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar sekolah.

Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk mewujudkan interaksi dua hala di antara pihak universiti dan pelajar sekolah bagi berkongsi ilmu yang bermanfaat untuk diaplikasikan. Pendedahan mengenai “Speed Reading” iaitu teknik membaca dengan pantas dan secara tidak langsung memberi pengetahuan baharu kepada pelajar tentang kewujudan teknik bacaan pantas ini.

Program ini telah disertai oleh seramai empat puluh (40) orang pelajar tingkatan 3.


PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT



PENJANAAN PENDAPATAN

Bulan	2023 (RM)	2024 (RM)
JAN	1,458.00	2,018.60
FEB	12.60	39.20
MAC	916.30	1,811.00
APRIL	1,821.40	76.30
MEI	22.00	31.40
JUN	60.90	27.00
JULAI	32.80	92.00
OGOS	17.60	32.00
SEPT	18.10	16.80
OKT	47.60	47.20
NOV	48.50	42.20
DIS	58.60	71.40
JUMLAH	4,514.40	4,304.92

PENJANAAN PENDAPATAN (RM)



Penjanaan & Penjimatan

Tajaan:
RM 2,010.00 (Hari Terbuka Perpustakaan)

Sewaan tapak:
RM 2,000.00 (Hari Terbuka Perpustakaan)

Yuran Pendaftaran Bengkel Pembikinan E-book
RM1,800.00

PROJEK KHAS: Reading Corner@HASA & LCE Area

Tajaan Barangan:
Sinar Cahaya Rezeki : RM 14,803.35

Tajaan Tunai (Cheque/Transfer)
iCEPs : RM 5,500.00
TRIplc Medical Sdn Bhd : RM 4,500.00


A person in a blue shirt is working at a desk. They are holding a smartphone in their right hand and have their left hand on a laptop keyboard. The laptop screen displays a dashboard with various charts and graphs. A white mug is on the desk to the left of the laptop. The background is a bright, out-of-focus office environment.

**PERPUSTAKAAN ADALAH BUKTI NYATA BAHWA
MANUSIA MASIH MENGHARGAI KEBUDAYAAN
DAN KEILMUAN**

PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

SEJARAH PEMBANGUNAN KOLEKSI PTAR HASA

Perolehan koleksi PTAR HASA pertama kalinya dilaksanakan di PTAR Kampus Sungai Buloh oleh Unit Perolehan PTAR. Ianya dilaksanakan pada tahun 2020 iaitu persediaan awal sebelum bangunan HASA dibuka pada tahun 2021. Perolehan dilaksanakan pada setiap tahun bermula dari tahun 2021 hingga sekarang oleh Unit Perolehan PTAR HASA.



PEMBANGUNAN KOLEKSI PTAR HASA

PI 3: BILANGAN JUDUL BAHARU SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

BUKU BERCETAK

PESANAN 2024

149 JUDUL / NASKHAH (RM 25,876.27)

PENERIMAAN 2024

118 JUDUL / NASKHAH (RM 21,453.71)

E-JURNAL

LANGGANAN 2024

2 JUDUL (RM21,586.50)

Otology & Neurotology (Publisher: Ovid Technologies)

The Laryngoscope (Publisher : Wiley)

PEMBANGUNAN KOLEKSI PTAR HASA



Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) telah membangunkan koleksi khusus mengenai *Health Innovation* dalam portal local content hub. Koleksi ini mengandungi bahan artikel, tesis dan laman web yang berkaitan dengan *Health Innovation* di Malaysia.

TAKLIMAT TATACARA PEMBELIAN BUKU BERCETAK & BUKU ELEKTRONIK (E-BOOK)

Pihak Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) telah mengadakan bengkel tatacara pembelian buku bercetak & buku elektronik (e-book) pada 16 Mei 2024, Khamis jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi. Bengkel ini disertai seramai lima orang staf Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA). Tujuan taklimat ini diadakan adalah seperti berikut:

- Meningkatkan kefahaman proses cadangan pembelian buku perpustakaan
- Meningkatkan kefahaman pemilihan bahan bacaan berkualiti untuk ditempatkan di perpustakaan
- Penggunaan peruntukkan pembelian buku yang lebih cekap melalui kelancaran proses cadangan pembelian buku bercetak dan elektronik yang bersesuaian untuk kemudahan bahan bacaan berkualiti dan menarik kepada pengguna perpustakaan HASA



PEMBANGUNAN KOLEKSI PTAR HASA

AKTIVITI

LIBAT URUS BERSAMA PTJ

Pihak Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak, HASA telah mengadakan sesi libat urus bersama empat (4) jabatan yang terdapat di HASA dengan tujuan untuk memberi pendedahan dan perkongsian tentang pembangunan koleksi perpustakaan dan tatacara cadangan perolehan perpustakaan oleh pencadang. Jabatan yang terlibat adalah Jabatan Kejururawatan, Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal, Jabatan Farmasi, dan Jabatan Polis Bantuan.



PEMBANGUNAN KOLEKSI PTAR HASA

AKTIVITI

LIBAT URUS BERSAMA PTJ

JABATAN KEJURURAWATAN



Sesi libat urus bersama Jabatan Kejururawatan telah diadakan pada 11 September 2024, Rabu pada jam 2.30 hingga 4.30 petang di Aras 3, Makmal Komputer Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak HASA. Sesi ini telah disertai oleh dua puluh tiga (23) orang staf jabatan tersebut.



PEMBANGUNAN KOLEKSI PTAR HASA


AKTIVITI

LIBAT URUS BERSAMA PTJ

JABATAN MAKMAL DIAGNOSTIK KLINIKAL



Sesi libat urus bersama Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal telah diadakan pada 12 September 2024, Rabu pada jam 2.30 hingga 4.30 petang di Aras 3, Makmal Komputer Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak HASA. Sesi ini telah disertai oleh tiga belas (13) orang staf jabatan tersebut.



PEMBANGUNAN KOLEKSI PTAR HASA

AKTIVITI

LIBAT URUS BERSAMA PTJ

JABATAN FARMASI



Sesi libat urus bersama Jabatan Farmasi telah diadakan pada 19 September 2024, Khamis pada jam 2.30 hingga 4.30 petang di Aras 3, Makmal Komputer Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak HASA. Sesi ini telah disertai oleh tujuh (7) orang staf jabatan tersebut.



PEMBANGUNAN KOLEKSI PTAR HASA

AKTIVITI

LIBAT URUS BERSAMA PTJ

JABATAN POLIS BANTUAN



Sesi libat urus bersama Jabatan Polis Bantuan telah diadakan pada 1 Oktober 2024, Selasa pada jam 3.00 hingga 5.00 petang di Aras 3, Makmal Komputer Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak HASA. Sesi ini telah disertai oleh dua puluh lima (25) orang staf jabatan tersebut.





**BUKU ADALAH GERBANG DUNIA DAN MEMBACA
ADALAH KUNCINYA**




PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

TAKLIMAT INDUKSI STAF BAHARU


Kursus induksi mulai diperkenalkan dalam Sistem Saraan Baru sebagai salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991-Pelaksanaan Sistem Baru. Keperluan untuk menghadiri Kursus Induksi ini diteruskan dalam Sistem Saraan Malaysia berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002-Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia. Justeru itu, Puan Nurul Atika Harud Din selaku pustakawan memainkan peranan penting dalam penyampaian taklimat induksi staf baharu di Hospital Al-Sultan Abdullah.



TAKLIMAT INDUKSI STAFF BARU




Taklimat Perpustakaan pada 19 Mac 2024 bertempat di Bilik Persidangan 1, Aras 2




TAKLIMAT INDUKSI STAFF BARU



Taklimat Perpustakaan pada 5 Jun 2024 bertempat di Auditorium 2, Aras 2



TAKLIMAT INDUKSI STAFF BARU




25 staf

Taklimat Perpustakaan pada 3 Julai 2024 bertempat di
Auditorium 1, Aras 2



TAKLIMAT INDUKSI STAFF BARU



15 staf

Taklimat Perpustakaan pada 19 Ogos 2024 bertempat di Auditorium 2, Aras 2




TAKLIMAT INDUKSI STAFF BARU



Taklimat Perpustakaan pada 3 Oktober 2024 bertempat di
Auditorium 2, Aras 2



TAKLIMAT INDUKSI STAFF BARU



**Taklimat Perpustakaan pada 17 Disember 2024 bertempat
di Auditorium 1, Aras 2**



TAKLIMAT INDUKSI PELAJAR BAHARU

Pada 23 September 2024, taklimat berkenaan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan telah diadakan bagi pelajar induksi Tahun 3 Fakulti Perubatan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Program ini berlangsung di Auditorium 1, Aras 2, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) dari jam 10.30 pagi hingga 11.00 pagi dengan kehadiran seramai 202 orang pelajar.

Tujuan utama taklimat ini adalah untuk memperkenalkan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan kepada para pelajar bagi menyokong proses pembelajaran mereka sepanjang pengajian.

Antara perkhidmatan yang diperkenalkan dalam taklimat ini termasuk akses kepada jurnal elektronik, pangkalan data, buku elektronik, serta panduan cara untuk menggunakan sistem perpustakaan secara dalam talian. Pelajar juga diperkenalkan kepada sistem pinjaman buku, cara membuat carian katalog secara dalam talian, dan kemudahan ruang belajar yang tersedia di perpustakaan.

Di samping itu, pihak perpustakaan turut menyediakan panduan mengenai penggunaan perkhidmatan rujukan bagi membantu pelajar mendapatkan maklumat yang tepat. Dengan adanya kemudahan dan perkhidmatan yang komprehensif ini, diharapkan para pelajar dapat memanfaatkan sepenuhnya sumber-sumber yang disediakan oleh perpustakaan dalam memantapkan ilmu dan pembelajaran mereka.



TAKLIMAT INDUKSI PELAJAR BARU



**Taklimat Perpustakaan pada 23 September 2024
bertempat di Auditorium 2, Aras 2**



PROGRAM PEMBUDAYAAN ILMU

Tujuan Program Pembudayaan Ilmu dijalankan adalah bagi memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan kearah mewujudkan warga universiti berbudaya dan cintakan ilmu khususnya kepada warga HASA.

Antara program yang telah dijalankan oleh Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak adalah Hari Terbuka Perpustakaan yang telah diadakan pada 17 dan 18 Januari 2024. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Dr. Sazzli Shahan Bin Kasim, pengarah Hospital Al-Sultan Abdullah. Antara objektif Hari Terbuka Perpustakaan ini diadakan ialah:

- I. Untuk menarik minat warga hospital HASA dan orang awam untuk berkunjung dan menggunakan perkhidmatan perpustakaan.
- II. Untuk meningkatkan jumlah keahlian luar perpustakaan.
- III. Untuk mewujudkan hubungan baik dengan pengguna perpustakaan.
- IV. Untuk menggalakkan minat membaca dalam kalangan pengguna.
- V. Untuk meningkatkan akses dan penggunaan sumber-sumber atas talian.
- VI. Untuk memberikan tunjuk ajar dan pendidikan pengguna kepada para pengunjung.




PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2024

Antara aktiviti-aktiviti menarik yang diadakan ialah permainan-permainan yang berlandaskan pembudayaan ilmu, pesta buku mini dan juga pertandingan tulisan khat jawi yang dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu pelajar sekolah dan juga warga HASA. Seramai 11 orang pelajar dari Sekolah Menengah Saujana Utama dan 11 orang warga HASA telah menyertai pertandingan tulisan khat jawi.

Bagi menjayakan program ini, pihak perpustakaan telah ditaja oleh tujuh (7) buah syarikat berbentuk wang tunai dan barangan berjumlah RM2,010.00. Selain itu pihak perpustakaan juga telah menjana RM2,000.00 bagi sewaan tapak kepada syarikat buku yang turut serta didalam pesta buku mini. Antara impak dari penganjuran program ialah pinjaman bahan-bahan dalam perpustakaan meningkat, mengeratkan hubungan antara perpustakaan dan komuniti setempat serta meningkatkan kesepaduan sosial dan membina hubungan komunikasi dalam kalangan pengguna.



PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2024




POSTER HARI TERBUKA

Tempat: Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak, HASA UiTM

Tarikh: 17 dan 18 Januari 2024

Masa: 9.00 pagi- 4.00 petang



PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2024



Perasmian oleh YBhg. Profesor Dr. Sazzli Shahlan Bin Kasim,
pengarah Hospital Al-Sultan Abdullah



PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2024



**PESTA BUKU
MINI**



PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2024




PERTANDINGAN TULISAN KHAT JAWI

PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2024



Para pemenang tulisan khat jawi kategori warga HASA

PERTANDINGAN TULISAN KHAT JAWI



PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2024

1



2



3



4



5



12 orang
pelajar

Para pemenang tulisan khat jawi kategori pelajar SMK Saujana Utama

PERTANDINGAN TULISAN KHAT JAWI



PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2024


RAINBOW STICK



Bingo Blitz



PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2024





PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2024

INFO CLINIC
SEARCH IT RIGHT!



JENGA:
FIND AND STACK



PROGRAM HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN 2024



**DIY
BOOKMARK**



Ready
SET, SEARCH



MOBILE LIBRARY

Mobile Library ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan buku-buku yang terdapat di dalam Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak kepada jabatan-jabatan di Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) serta untuk menggalakkan peningkatan jumlah pengguna dan pinjaman buku perpustakaan.

Antara koleksi bahan yang dipamerkan semasa program *Mobile Library* adalah bahan bacaan umum yang popular sehingga bahan khusus. Pihak Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak turut menyediakan cenderahati kepada warga HASA dan orang awam yang meminjam buku pada hari tersebut.

MOBILE LIBRARY



READ@UiTM *Mobile Library*

PERKHIDMATAN DISEDIAKAN:

- 1** PENGHANTARAN BUKU
Book Delivery Service
- 2** PINJAMAN BUKU
Book Loan
- 3** PEMULANGAN BUKU
Book Return
- 4** SEMAKAN MAKLUMAT AM PERPUSTAKAAN
Library enquiries (Fines and on loan items)
- 5** PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DIGITAL

RUANG LEGAR
KLINIK PAKAR PERUBATAN,
HASA

25 APRIL 2024
9.00PAGI - 4.00 PETANG



Anjuran: Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak
Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA)

 PTAR HASA  PTAR Hospital Al-Sultan Abdullah-HASA  PTAR Hospital Al-Sultan Abdullah-HASA  Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak

POSTER MOBILE LIBRARY

Tempat: Klinik Pakar Perubatan, HASA

Tarikh: 25 April 2024

Masa: 9.00 pagi hingga 4.00 petang

MOBILE LIBRARY



Pengunjung dari staf HASA dan orang awam yang berkunjung ke reruai *Mobile Library* pada 25 April 2024



MOBILE LIBRARY



Pengunjung dari staf HASA yang berkunjung ke reruai *Mobile Library@ Townhall* pada 11 Julai 2024



MOBILE LIBRARY



Pengunjung dari staf HASA yang berkunjung ke reruai *Mobile Library@ Townhall* pada 90 Oktober 2024



MOBILE LIBRARY



Pengunjung dari staf HASA yang berkunjung ke reruai *Mobile Library* pada 28 November 2024



MOBILE LIBRARY



Pengunjung dari staf HASA yang berkunjung ke reruai Mobile Library@ Townhall pada 5 Disember 2024



PROGRAM LITERASI SEKOLAH

Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak telah menjalankan Program Literasi Sekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Utama pada 1 Ogos 2024. Modul yang telah dijalankan adalah *searching techniques* yang bertujuan untuk meningkatkan ketepatan hasil pencarian menggunakan laman sesawang seperti *Google scholar*, *Safari*, *Mozilla Firefox* dan *Online Public Access Catalogue (OPAC)*. Program ini telah disertai oleh seramai 33 orang pelajar tingkatan tiga.

Antara objektif program ini ialah:

- i. Memberi pendedahan tentang kaedah atau teknik pencarian sumber ilmu secara atas talian (online search)
- ii. Mendapatkan maklumat yang tepat
- iii. Menjimatkan masa pencarian maklumat



PROGRAM LITERASI SEKOLAH



Program Literasi Sekolah yang telah dijalankan pada 1 Ogos 2024, Khamis di Sekolah Menengah kebangsaan Saujana Utama





**BUKU ADALAH JENDELA DUNIA TANPA
ADANYA BUKU KITA TIDAK DAPAT
MELIHAT BETAPA LUASNYA DUNIA**



PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN

TAKLIMAT PERPUSTAKAAN DIGITAL MY KNOWLEDGE MANAGEMENT (MyKM)

Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak telah mengadakan taklimat Perpustakaan Digital My Knowledge Management (MyKM) pada 17 Julai 2023 bagi meningkatkan penggunaan MyKM bagi peringkat HASA. Antara objektifnya adalah untuk memberi kesedaran tentang kewujudan perpustakaan digital kepada staf serta memberi pendedahan tentang perkhidmatan dan fungsi portal MyKM yang boleh digunakan oleh staf HASA. Seramai tiga orang staf jururawat dari Jabatan Kejururawatan telah menyertai taklimat ini.



25 **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA** Hospital As-Salamah Abdullah

**TAKLIMAT PERPUSTAKAAN
DIGITAL MY KNOWLEDGE MANAGEMENT
(MyKM) HASA, UiTM**

17 & 23 Julai 2024
10.00 pagi - 12.00 tengah hari
Makmal Komputer, Aras 3
Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak, HASA

Oleh:

NURUL ATIKA BINTI HARUD DIN
Pustakawan
Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak

JOM SERTA!!
JAM LATIHAN DISEDIAKAN

Imbas kod QR untuk Borang Pra Pendaftaran

PTAB HASA PTAB Hospital As-Salamah Abdullah - HASA PTAB Hospital As-Salamah Abdullah - HASA PTAB Hospital As-Salamah Abdullah - HASA

TAKLIMAT PERPUSTAKAAN DIGITAL MY KNOWLEDGE MANAGEMENT (MYKM)



3 staf

Taklimat Perpustakaan Digital MyKM yang dihadiri oleh staf
jururawat pada 17 Julai 2024




TAKLIMAT PERPUSTAKAAN DIGITAL MY KNOWLEDGE MANAGEMENT (MyKM)



Pada 11 September 2024, Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak telah menganjurkan taklimat perkhidmatan perpustakaan digital bersama Jabatan Kejururawatan di Makmal Komputer, Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak, Aras 3, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) yang dihadiri oleh 23 orang peserta. Sesi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai perpustakaan digital, memberikan pendedahan tentang fungsi portal MyKM, menjalin kerjasama antara perpustakaan dan jabatan lain, serta mendapatkan maklum balas untuk penambahbaikan perkhidmatan. Sesi ini bukan sahaja memudahkan akses kepada bahan rujukan perpustakaan terkini tetapi juga menggalakkan kerjasama antara jabatan di hospital bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan.

TAKLIMAT PERPUSTAKAAN DIGITAL MY KNOWLEDGE MANAGEMENT (MYKM)



Taklimat Perpustakaan Digital MyKM yang dihadiri oleh
Jabatan Kejururawatan pada 11 September 2024



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN DIGITAL MY KNOWLEDGE MANAGEMENT (MyKM)



Pada 12 September 2024, Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak telah menganjurkan taklimat perkhidmatan perpustakaan digital bersama Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal. Program ini berlangsung di Makmal Komputer, Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak, Aras 3, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) dan dihadiri oleh 13 peserta.

Taklimat ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai penggunaan perpustakaan digital dan memperkenalkan fungsi portal MyKM. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menjalin kerjasama antara perpustakaan dan jabatan-jabatan lain di hospital serta mendapatkan maklum balas untuk menambah baik perkhidmatan yang ditawarkan.

TAKLIMAT PERPUSTAKAAN DIGITAL MY KNOWLEDGE MANAGEMENT (MYKM)



13 staf

Taklimat Perpustakaan Digital MyKM yang dihadiri oleh
Jabatan Makmal Diagnostik Klinikal pada 12 September 2024



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN DIGITAL MY KNOWLEDGE MANAGEMENT (MyKM)




Pada 19 September 2024, Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak telah menganjurkan taklimat perkhidmatan perpustakaan digital bersama Jabatan Farmasi. Program ini diadakan di Makmal Komputer, Aras 3, Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) dan dihadiri oleh 7 peserta.

